

29 MAY 1998

Mahathir-EMTEK

DR MAHATHIR TIBA DI TUMPAT UNTUK RASMI EMTEK

KOTA BAHARU, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, pagi ini, untuk merasmikan Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (EMTEK '98) di Sekolah Menengah Chabang Empat Tumpat, kira-kira 20 kilometer dari sini.

Perdana Menteri yang ditemani isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, tiba dengan sebuah pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa di sini, pada pukul 9.30 pagi.

Dr Mahathir dan isteri disambut oleh pemimpin-pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) termasuk Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Annuar Musa dan Naib Pengerusi BN Negeri Datuk Mustapa Mohamad.

Perdana Menteri dan isteri, kemudiannya menaiki sebuah kereta ke Sekolah Menengah Chabang Empat Tumpat untuk merasmikan eksposisi itu.

Eksposisi canggih yang terbesar dan pertama kali diadakan di Kelantan, disertai kira-kira 40 syarikat multimedia dari seluruh negara. Eksposisi selama enam hari itu dianjurkan oleh Yayasan Pasir Mas dan Telekom Malaysia sebagai penaja utama.

Setibanya di kawasan eksposisi itu, Dr Mahathir dan isteri diarak dengan sebuah kereta berhias dan diiringi 2,000 pemuda UMNO bermotosikal, 20 ekor kuda hulubalang, 500 pembawa pulut semangat, 200 pendekar Melayu dan pasukan kertuk rebana dan silat.

Selepas perasmian itu, Perdana Menteri dan isteri akan bertolak ke kediaman Ketua Umno Pasir Mas Datuk Ibrahim Ali di Taman Mimi, Wakaf Baru di sini, untuk jamuan tengah hari.

Dr Mahathir akan bertolak ke Masjid Wakaf Baharu pada pukul 1.15 petang untuk Solat Jumaat sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 2.15 petang.

--BERNAMA

WM PR